

**PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PENYELARASAN KURIKULUM  
PROGRAM MUAMALAT, TAKAFUL, KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 24 Oktober 2010 9:12

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

24 OKTOBER 2010/16 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



*Prof. Madya Dr. Asmadi  
bin Mohamed Naim*



*Dr. Azizi bin Abu Bakar*

**UUM ONLINE:** SELARAS dengan usaha kerajaan untuk merancakkan agenda pembangunan dan kemajuan sistem kewangan dan perbankan Islam di negara ini, Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Kurikulum bagi program Muamalat, Takaful, Kewangan dan Perbankan Islam. Tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji dan menambah baik silibus dan struktur kurikulum pengajian bidang-bidang tersebut ke arah yang lebih cemerlang dan diiktiraf di dalam dan di luar negara, seiring dengan kehendak dan keperluan industri pada masa kini.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi telah melantik **Prof. Madya Dr. Asmadi bin Mohamed Naim** dan **Dr. Azizi bin Abu Bakar** (UUM COB) sebagai **Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Kurikulum Program Muamalat, Takaful, Kewangan dan Perbankan Islam** selama dua tahun berkuat kuasa mulai **16 Ogos 2010** sehingga **15 Ogos 2012**.

Tahniah dan selamat bertugas.

=====

DARIPADA:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT